

PM turut beri perangsang kepada kanak-kanak

EZULWINI (Swaziland) 17 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menghadiri buat kali terakhir dialog perkongsian bestari selaku Perdana Menteri bukan sahaja mendapat perhatian ketua-ketua negara dan kerajaan anggota Gerakan Perkongsian Bestari dan wakil sektor swasta, malah dikerumuni golongan kanak-kanak.

Penghormatan golongan kanak-kanak kepada Perdana Menteri dapat dilihat apabila Mxumao, kanak-kanak berusia sembilan tahun yang turut menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Global-SAID 2003), duduk di sisi Dr. Mahathir dan berbual-bual dengannya.

Mxumao ialah anggota Kelab 29 iaitu sayap muda Gerakan Perkongsian Bestari.

Utusan Malaysia difahamkan, Dr. Mahathir menaikkan semangat kanak-kanak itu dengan 'mencabarnya' supaya memperoleh prestasi terbaik dalam peperiksaan.

'Jika mendapat (tempat nombor satu dalam peperiksaan), beliau berjanji akan membawa dia ke Malaysia sebagai hadiah,' kata seorang pegawai sekretariat penganjuran Global-SAID 2003 kepada *Utusan Malaysia*.

Dr. Mahathir ketika ditanya mengenai perkara tersebut pada sidang pada akhir Global-SAID 2003, mengesahkan perbualan singkat dan mesra itu.

"Dia menunjukkan minat untuk melihat Malaysia macam mana dan kita mungkin cari jalan supaya dia dapat menyertai Dialog Antarabangsa Langkawi (tahun depan) atau memberi peluang kepadanya supaya dapat melihat keadaan di Malaysia," katanya.

Mengenai hadiah galakan itu, Dr. Mahathir menambah: "Ya, saya mengatakan kepada dia bahawa kamu perlu membuktikan bahawa kamu layak (bagi mendapatkan hadiah diterbangkan ke Malaysia).

Utusan Malaysia juga diberitahu bahawa kanak-kanak itu menerima cabaran tersebut dan bertanyakan alamat Dr. Mahathir.

"Dr. Mahathir menjawab, jika mendapat tempat pertama, tulis surat ke alamat Perdana Menteri Malaysia, surat itu akan sampai kepada saya," kata pegawai sekretariat berkenaan.